

Seusai menonton filem *La Luna*, kata-kata Mochtar Lubis dalam pidatonya *Manusia Indonesia* seakan mengetuk batu jema. Mochtar menggagaskan satu sifat iaitu munafik, yang saya kira penting dalam menghargai peranan antagonis utama filem, Tok Hassan, penghulu Kampung Bras Basah. Munafik menurut beliau ialah, “Berpura-pura, lain di muka, lain di belakang, ... menyembunyikan apa yang sebenarnya dirasakannya atau dipikirkannya ataupun yang sebenarnya dikehendakinya, karena takut akan mendapat ganjaran yang membawa bencana bagi dirinya.”¹

Ini ditonjolkan melalui watak Tok Hassan yang menakluki bukan sahaja undang-undang kehidupan penduduk kampung, malah pemikiran dan jiwa rakyat yang telah taat setia sekian lama. Yang menarik, pada awal kisah, terlihat kampung itu dihiasi dengan papan tanda ‘Allah sentiasa melihat’ di merata tempat awam. Tentu sekali ia di(salah)gunakan bagi tujuan mengekang dan menutup minda masyarakat atas nama agama. Pembukaan kedai pakaian dalam wanita mula menimbulkan masalah, membongkar sifat Tok Hassan yang sebenar.

Allah sentiasa melihat rasuah

Tidak syak lagi rasuah memang perkara yang haram di sisi Islam baik yang memberi mahupun yang menerima. Namun, keharaman rasuah tidak pula membantutkan Tok Hassan untuk turut terlibat dalam perkara jengkel ini. Tok Hassan yang sentiasa berkhotbah tentang halal dan haram, syurga dan neraka kepada orang-orang kampung tidak pula bersyarahan pada dirinya tentang najis rasuah. Nilai-nilai Islam yang penting seperti melawan rasuah tidak pula diberikan keutamaan dalam kehidupan beragama. Yang paling tragis, ini bukanlah perkara luar biasa.

Kita sendiri dapat melihat amalan rasuah yang berleluasa, yang sudah menjadi kebiasaan di kalangan pemimpin-pemimpin politik rantau ini yang tersiar dalam media sosial dan surat khabar. Merekalah orang-orang sama yang sering membanggakan diri sebagai penegak atau pejuang Islam. Saya rasa penting untuk sentiasa peka dan menaruh perasaan marah (semacam amarah Tok Hassan semasa Ustaz Fauzi, imam kampung tidak patuh arahnya) terhadap amalan rasuah seperti mana kita juga sangat peka dan marah kalau-kalau amal ibadah ditinggalkan.

Ungkapan sarjana Syed Hussein Alatas, mesti direnung kembali: “Kalau umpamanya kita katakan pemimpin suka makan babi, mudah sekali, mereka marah tetapi kalau kita katakan pemimpin itu mengamalkan rasuah, marah itu tidak sekuat seperti marah makan babi. Nyata sekali bahawa pendapat makan babi itu didorong oleh perasaan emosi yang kuat tetapi pendapat menentang

¹ Mochtar Lubis, *Manusia Indonesia: Sebuah Pertanggung jawaban*, (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2008), 18.

rasuah tidak didorong oleh emosi yang kuat. Sebabnya, ... ialah kerana umat Islam umumnya sangat dipengaruhi oleh keadaan runtuh akhlak, di mana nilai-nilai Islam yang penting tidak diabadikan di mana pemimpin-pemimpin mereka tidak memberi contoh-contoh yang cukup.”²

Allah sentiasa melihat kezaliman

Demi mencapai masyarakat yang aman dan diberkahi Tuhan, sang pemimpin haruslah berlaku adil dalam peraturan kehidupan dan urusan sesama manusia. Seyogianya diingat takrif pemimpin usahlah disempitkan kepada mereka yang mempunyai autoriti sahaja. Sebaliknya, setiap manusia sebagai khalifah di muka bumi hendaklah sentiasa bersedia menggalas tanggungjawab dan tugasnya untuk menjadi pemimpin kepada manusia lain dalam apa jua kapasiti yang ada.

Tok Hassan merupakan pemimpin yang tidak adil. Selaku penghulu, kezalimannya jelas terpampang dalam tadbir urus Kampung Bras Basah yang sangat diktatorial. Apa-apa yang dilakukan hanyalah untuk mengekalkan kuasanya, bukan keadilan. Sebagai contoh, apabila kedai pakaian dalam wanita ‘La Luna’ semakin diterima penduduk-penduduk kampung, ia sekali gus mengancam kedudukan dan kuasa Tok Hassan. Tok Hassan tidak teragak-agak untuk melakukan kezaliman dengan membakar kedai tersebut. Ini dilakukan tanpa rasa kesal dan bersalah.

Dia bukan sahaja merentungkan harta benda, tempat kediaman, sumber rezeki, tetapi yang paling penting, cita impian Hanie yang telah lama dihasratkannya. Kelakuan Tok Hassan sama sekali tidak mencerminkan akhlak seorang Muslim apatah lagi seorang pemimpin Islam. Ia bertentangan dengan nilai Islam yang pasti sekali tidak akan berkompromi dengan kezaliman walaupun dilakukan atas nama Islam.

Tulisan seorang sarjana terkemuka, Ibn Taymiyyah, yang kitab-kitabnya tersebar luas dalam pengajian Islam seantero dunia, harus diteliti penuh introspeksi: “Dikatakan Allah membiarkan negara yang adil itu kekal walaupun dipimpin oleh orang kafir, tetapi Allah tidak akan membiarkan negara yang zalim itu kekal walaupun dipimpin oleh orang Islam. Dan dikatakan bahawa dunia akan bertahan dengan keadilan dan kekufuran, tetapi ia tidak akan bertahan dengan penindasan dan Islam.”³

² Syed Hussein Alatas, “Emosi terhadap rasuah,” *Berita Harian*, April 3, 1986, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/beritaharian19860403-1.2.42.1>

³ Nuzulul Qadar Abdullah, “Islamic Thought on The Common Good: Understanding Ibn Taymiyyah’s Concept of Fitrah (Natural Disposition) in Legal Reasoning”, *MUIS Academy*, November 3, 2016, https://www.muis.gov.sg/-/media/Files/Muis-Academy/Summaries/Nov_2016_RTD_Fitrah_Final.ashx

Allah sentiasa melihat Kaum Hawa

Satu lagi isu ketara dalam filem ini ialah unsur-unsur penindasan kaum Hawa, juga disebut sebagai seksisme dan misogini. Jawatankuasa Kampung Bras Basah dianggotai sepenuhnya oleh lelaki. Yang paling malang, ia diketuai Tok Hassan. Ternyata tadbir urus mereka tidak mengambil berat tentang permasalahan penduduk-penduduk wanita. Wanita kampung digambarkan sebagai melukut di tepi gantang yang sering memerlukan kepimpinan kaum Adam. Mereka takut hendak bersuara kepada ketidakberesan kepimpinan.

Sampai ramai pada mulanya risau mahu melanggan di kedai pakaian dalam wanita 'La Luna'. Sampai ramai pula yang didenda dengan membersihkan kampung halaman atas perkara-perkara yang tidak munasabah seperti menari dangdut. Sampai dibayangkan secara eksplisit menerusi hubungan seorang ayah dan anak perempuannya, Inspektor Salihin dan Azura, dan hubungan suami-isteri, Pa'at dan Yam. Kedua-duanya memperlihatkan kebergantungan wanita yang sangat tinggi terhadap lelaki walaupun kisah Inspektor Salihin dan Azura tampak lebih candi. Namun, penindasan yang dilakukan Pa'at terhadap isterinya, Yam, tiada berkias-kias. Keganasan rumah tangga sudah mendarah daging dalam perhubungan mereka.

Ketika Yam lari rumah, ketidakpuasan hati Pa'at dituruti oleh Tok Hassan yang berceramah tentang hak seorang suami terhadap isteri dalam syariat Islam sedangkan dia tahu tentang keganasan yang berlaku. Mungkin Tok Hassan terlupa Islam juga amat menitikberatkan keselamatan dan kesejahteraan wanita. Sayang sekali, di mata Tok Hassan yang terpencil tak sama di mata Tuhan yang Maha Adil. Di mata kita bagaimana?

Walaupun Mochtar Lubis bercakap tentang manusia di Indonesia, sifat munafik ternyata akan kekal relevan dan penting untuk dibicarakan dalam konteks masyarakat kita kerana ketidakadilan, kezaliman dan penindasan itu tidak mengenal tempat. Kita wajib berwaspada. Dan buktinya ialah Tok Hassan dalam filem *La Luna*. Dalam kita berdekah, bergelak terbahak-bahak sepanjang filem romantik-komedi ini, adalah penting untuk kita juga merenungkan isu-isu sosial yang diangkat. Kampung Bras Basah yang "warak" harus dijadikan iktibar bahawa kesolehan itu jangan diukur menerusi syurga-neraka, halal-haram sahaja malah harus menjangkau kesolehan sosial yakni bukan sahaja persoalan *hablum minAllah* tetapi juga *hablum minannas*.

Alahai, Tok Hassan: Allah Pun Sentiasa Melihat Kemunafikan Manusia
Oleh: Muhammad Ilyia Kamsani

Ia mesti mencakupi penjagaan, saling menghormati, saling membantu, saling berempati dan saling peduli darihal hak manusia lain. Maka, usahlah kita jadi semunafik-munafik Tok Hassan yang menyebarkan mungkar biarpun di dalam masjid. Jadilah kita sebaik-baik Hanie yang menegakkan keadilan dan kebenaran biarpun di dalam jamban, di kedai pakaian dalam. Seperti yang kita sering dengar, sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia lain. Ingatlah, Allah sentiasa melihat.